

# Ben Ng dilantik CEO AIA

Muka 58



## Ben Ng dilantik Ketua Pegawai Eksekutif AIA

AIA Bhd melantik Ben Ng sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu bermula 15 Ogos lalu dan melapor kepada Ketua Eksekutif Serantau AIA Group, Tan Hak Leh.

Beliau akan bertanggungjawab mengukuhkan kedudukan AIA dalam industri insurans hayat dan membantu syarikat mengoptimumkan pertumbuhannya di Malaysia.

Ng akan memimpin pembangunan berterusan perniagaan insurans dan takaful AIA di negara ini, meningkatkan tahap profesionalisme pasukan agensi, mempertingkatkan perkongsian bancassurance, memperluaskan perniagaan penyelesaian korporat serta memperbaiki tahap pembabitan dan pengalaman

Mengulas pelantikannya, Ng berkata, sebagai anak Malaysia yang bekerja di luar negara selama lebih 20 tahun, beliau gembira kerana berpeluang pulang ke tanah air dan memimpin pasukan dinamik di Malaysia.

"AIA Malaysia adalah penyumbang penting kepada AIA Group dan saya berharap perniagaan kami akan terus membantu lebih ramai rakyat Malaysia hidup lebih sihat, berpanjangan dan bermakna," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menyertai AIA pada 2011. Sebelum memegang jawa-

tan terkini, Ng adalah Pengarah Presiden AIA Financial Indonesia, jawatan yang disandang sejak 2014.

Di bawah kepimpinannya, AIA Financial Indonesia telah menjadi syarikat insurans terunggul bagi saluran bancassurance dan juga menetapkan standard untuk tenaga agensi premier dengan 10 peratus daripada ejennya mencapai status kelayakan 'Million Dollar Round Table' (MDRT).



**Saya berharap  
perniagaan  
kami akan terus  
membantu lebih ramai  
rakyat Malaysia hidup  
lebih sihat, berpanjangan  
dan bermakna.**

**Ben Ng,  
Ketua Pegawai Eksekutif AIA**